

Sejarah Persenjataan di Alam Melayu: Analisis Visual Tombak dan Lembing dalam Koleksi N.A. Halim di Perpustakaan ATMA, UKM

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 315-336
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 1 Jun 2025
Accepted: 28 Jun 2025
Published: 30 July 2025

[The History of Weaponry in the Malay World: A Visual Analysis of Spears and Javelins in the N.A. Halim Collection at the ATMA Library, UKM]

Muhammad Zharif Baharudin¹, Anwar Muttaqin¹ & Ezad Azraai Jamsari¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: P145854@siswa.ukm.edu.my ; anwar86@ukm.edu.my; ezad@ukm.edu.my

*Corresponding Author: anwar86@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini mengupas peranan tombak dan lembing dalam tamadun Islam dan budaya Melayu, bukan sekadar sebagai alat peperangan tetapi juga sebagai simbol kuasa, warisan budaya, dan medium pendidikan rohani, yang bersumberkan bahan-bahan visual Koleksi N.A. Halim di Perpustakaan ATMA (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis himpunan visual terhadap bentuk dan ukiran tombak dan lembing berdasarkan Koleksi N.A. Halim, serta memaparkan peranan senjata ini dalam sejarah ketenteraan dan simbolisme kuasa tamadun Islam di Alam Melayu. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan metode deskriptif menerusi analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa senjata ini bukan sahaja mencerminkan nilai estetika dan simbolisme Islam-Melayu, malah menjadi elemen penting dalam upacara diraja, latihan seni bela diri seperti silat dan pengukuhan identiti bangsa. Dokumentasi terperinci yang dikumpulkan oleh Koleksi N.A. Halim mendedahkan pelbagai variasi reka bentuk serta ukiran yang terdapat pada senjata-senjata tradisional Melayu, sekali gus mencerminkan kekayaan nilai estetika, simbolisme budaya, dan peranan fungsionalnya dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Penamaan senjata-senjata ini pula tidak bersifat sembarang, bahkan memperlihatkan satu sistem klasifikasi tradisional yang bersifat menyeluruh dan tersusun, merangkumi pelbagai aspek seperti bentuk fizikal, penamaan yang berasaskan fungsi, penamaan berdasarkan unsur geografi dan etnik. Ini membuktikan kewujudan suatu sistem pengetahuan tradisional yang bersifat holistik dan diwarisi secara turun-temurun melalui medium lisan, amalan visual dan pengalaman empirik dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam. Justeru, dokumentasi ini bukan sekadar rakaman fizikal semata-mata, tetapi turut mencerminkan keutuhan warisan intelektual dan identiti budaya yang mendalam dalam sejarah ketamadunan Alam Melayu.

Kata kunci: Persenjataan, Alam Melayu, Tombak, Lembing, Koleksi N.A. Halim

Abstract

This study explores the roles of spears and javelins within Islamic civilization and Malay culture, not merely as instruments of warfare, but as symbols of power, cultural heritage, and spiritual education. Drawing upon the visual materials in the N.A. Halim Collection housed at the Institute of the Malay World and Civilization Library (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, this paper aims to analyse the visual corpus of spear and javelin forms and engravings, while highlighting their

significance in the military history and symbolic expression of power within the Islamic civilization of the Malay world. This research adopts a qualitative approach through historical research design and content analysis. The method of data collection is primarily documentation, focusing on credible and authoritative sources. For data analysis, the study employs descriptive methods through content analysis and the interpretation of sources based on historical hermeneutics. The findings reveal that these weapons reflect not only Islamic-Malay aesthetic and symbolic values but also play pivotal roles in royal ceremonies, martial arts training such as silat, and in reinforcing ethnic and civilizational identity. The meticulous documentation compiled in the N.A. Halim Collection unveils a wide variety of designs and engravings on traditional Malay weapons, thereby illustrating the richness of aesthetic values, cultural symbolism, and functional roles embedded within the socio-cultural fabric of the Malay-Muslim community. The naming conventions of these weapons were not arbitrary; rather, they demonstrate a traditional classification system that is both comprehensive and systematic, encompassing various aspects such as physical forms, functions, geographical elements, and ethnic associations. This affirms the existence of a holistic body of traditional knowledge, passed down through generations via oral traditions, visual practices, and empirical experiences within the Malay-Muslim society. Thus, the documentation in question serves not only as a physical record, but also as a testament to the intellectual legacy and deep-rooted cultural identity that underpin the civilizational history of the Malay world.

Keywords: Weaponry, Malay World, Spear, Javelin, N.A. Halim Collection



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhammad Zharif Baharudin, Anwar Muttaqin & Ezad Azraai Jamsari. (2025). Sejarah persenjataan di Alam Melayu: Analisis visual tombak dan lembing dalam Koleksi N.A. Halim di Perpustakaan ATMA, UKM [*The history of weaponry in the Malay World: A visual analysis of spears and javelins in the N.A. Halim Collection at the ATMA Library, UKM*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 315-336.

Pengenalan

Senjata tradisional ialah antara elemen terpenting dalam menilai tamadun dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Dalam konteks Islam dan Alam Melayu, tombak dan lembing bukan sekadar alat untuk perperangan tetapi juga membawa nilai simbolik yang besar dalam aspek keagamaan dan sosial. Sejarah mencatatkan senjata seperti tombak dan lembing digunakan sejak zaman Rasulullah SAW, sehingga ke zaman kesultanan Melayu, dan terus beradaptasi dalam bentuk moden hari ini seperti dalam sukan dan pemeliharaan warisan kebangsaan (Musa & Yunos, 2024). Perbincangan berkenaan sejarah tombak dan lembing ini bukan sahaja penting dari sudut arkeologi dan sejarah ketenteraan, tetapi juga dari sudut budaya, seni, dan tamadun Islam di Alam Melayu.

Kepentingan tombak dan lembing dalam sejarah dan tamadun Islam dapat dilihat dalam pelbagai teks klasik dan hasil seni Islam yang merakamkan peranan senjata ini dalam menyebarkan dakwah dan mempertahankan wilayah Islam. Di Alam Melayu, senjata ini menjadi sebahagian daripada sistem sosial dan politik yang lebih luas, terutama sebagai lambang kuasa diraja dan identiti kesultanan. Penerapan nilai-nilai Islam menerusi medium senjata turut berlaku melalui latihan seni bela diri seperti silat yang menggabungkan unsur

ketenteraan dan kerohanian. Hal ini menunjukkan senjata bukan sekadar instrumen fizikal, tetapi turut memainkan peranan besar dalam pembentukan akhlak dan disiplin masyarakat (Redzuan et al., 2022).

Selain fungsi ketenteraan, tombak dan lembing turut memainkan peranan dalam konteks perubatan dan kepercayaan tradisional masyarakat Melayu. Tombak atau lembing dalam tradisi lisan Melayu sering dikaitkan dengan kuasa pelindung daripada gangguan halus dan digunakan dalam upacara menghalau roh jahat. Dalam kalangan masyarakat Iban Sarawak, ‘nabau’ berperanan sebagai simbol perlindungan dalam ritual spiritual (Janowski, 2019). Terdapat juga rekod yang mencatatkan lembing tertentu seperti Dhapur Kyai atau Kujang dianggap sebagai warisan pusaka keluarga dan membawa perlindungan secara turun-temurun. Simbolisme ini memperkuuh lagi kedudukan senjata ini sebagai artifak kebudayaan dan spiritual yang holistik.

Sejarah Persenjataan: Tombak dan Lembing

Himpunan dokumentasi oleh Koleksi N.A. Halim di Perpustakaan ATMA (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memberikan asas yang kukuh kepada kajian visual dan sejarah tombak dan lembing. Oleh yang demikian, penulisan ini memberi tumpuan kepada analisis bentuk fizikal serta peranan senjata dalam konteks sejarah dan semasa. Tiga fasa utama diteliti secara mendalam, iaitu peranan tombak dan lembing dalam tamadun Islam, peranannya di Tanah Melayu serta relevansinya dalam zaman moden. Perbahasan ini menyumbang kepada usaha pelestarian warisan senjata tradisional dan memperkuuh kefahaman terhadap naratif tamadun Melayu-Islam dari sudut ketenteraan dan istiadat bangsa.

Tombak dan Lembing dalam Tamadun Islam

Dalam sejarah awal perkembangan Islam, tombak atau *rumh* merupakan antara senjata asas yang digunakan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat RA dalam medan perperangan. Senjata ini telah lama digunakan oleh umat manusia sejak zaman prasejarah, bukan sahaja dalam konteks perperangan, bahkan dalam aktiviti perburuan. Dalam tradisi Islam, tombak turut mendapat pengiktirafan sebagai sebahagian daripada kelengkapan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri. Hal ini turut dibuktikan melalui rujukan dalam al-Qur'an, istilah tombak disebut secara langsung dalam surah al-Ma'idah, ayat 94, Allah SWT berfirman yang mafhumnya: “Wahai orang yang beriman, Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sesuatu daripada binatang buruan yang mudah diperoleh oleh tanganmu dan tombakmu...”. Ayat ini menunjukkan tombak bukan sekadar alat tempur, bahkan digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian masyarakat Arab ketika itu, khususnya dalam aktiviti memburu. Penggunaan tombak dalam konteks ayat ini juga menggambarkan ujian ketakutan terhadap larangan memburu semasa dalam keadaan ihram, sekali gus menandakan kepentingannya dalam konteks sosial dan ritual keagamaan.

Secara tidak langsung, tombak memperoleh kedudukan dalam sejarah ketenteraan dan sosial masyarakat Islam awal. Berdasarkan catatan sejarah, Rasulullah SAW memiliki lima batang tombak (Abbass, 2022). Tiga daripadanya merupakan harta rampasan perang daripada

Bani Qaynuqa‘, manakala dua lagi dikenali sebagai *al-munāwi* dan *al-muthannā* (Ibn Sa‘d, 1967). Meskipun tiada perincian terperinci berhubung penggunaan langsung semua tombak tersebut oleh Baginda di medan perang, keberadaan senjata ini tetap memperlihatkan nilai strategik dan simbolik dalam ketenteraan Islam awal. Penggunaan tombak dan pedang oleh tentera Islam semasa zaman Rasulullah SAW telah menjadi penyumbang penting kepada keberkesanan taktik ketenteraan, termasuk dalam strategi perang gerila dan pertahanan kawasan. Dalam konteks sejarah ketenteraan Islam yang lebih luas, Bobrov (2023) mencatatkan kewujudan tombak panjang dikenali sebagai *jida* atau *dzida* yang digunakan oleh pasukan berkuda Oirats pada abad ke-17M hingga ke-18M. Senjata ini membezakan diri daripada bentuk dan fungsi tombak yang digunakan oleh tentera Uthmaniyyah, sekali gus menunjukkan variasi teknikal dan budaya penggunaan tombak dalam pelbagai peradaban Islam.

Selain konteks Arab dan Asia Tengah, sumber tempatan seperti *Sulalatus Salatin* turut mencerminkan penggunaan tombak dan lembing oleh masyarakat Melayu-Islam. Senjata ini bukan sahaja digunakan dalam konteks peperangan, malah membawa nilai yang tinggi. Dalam karya tersebut, penggunaan tombak dikaitkan dengan semangat keberanian dan amanah dalam mempertahankan kedaulatan negara serta maruah pemerintah. Tambahan pula, senjata ini menjadi simbol kepada sistem nilai masyarakat Melayu yang seiring dengan prinsip akhlak Islam seperti keadilan, kebijaksanaan dan tanggungjawab (Jamian et al., 2014). Dalam kerangka yang lebih luas, Ali et al. (2016) turut memperincikan senjata seperti tombak dan lembing bukan sekadar alat peperangan, malah berfungsi sebagai artifak penting dalam memahami kepercayaan, struktur sosial dan estetika masyarakat Islam silam. Penemuan senjata ini dalam tapak arkeologi Islam memperlihatkan perkembangan teknologi ketenteraan serta hubungan erat antara ketamadunan dan ekspresi kebudayaan dalam dunia Islam.

Tombak dan Lembing di Alam Melayu

Senjata tradisional seperti tombak dan lembing memainkan peranan penting dalam sejarah budaya dan ketenteraan masyarakat Melayu. Kewujudannya tidak hanya tertumpu pada kegunaan fizikal semata-mata, malah turut mengandungi makna simbolik yang mendalam. Di Tanah Melayu, kedua-dua jenis senjata ini telah digunakan sejak zaman pra-Islam, namun fungsinya mengalami peluasan dan perkembangan selepas kedatangan Islam. Pengaruh Islam bukan sahaja menyentuh aspek nilai, malah turut memperkuuh peranan senjata ini dalam struktur sosial, adat dan pemerintahan. Tombak dan lembing menjadi elemen penting dalam medan peperangan, pelaksanaan adat istiadat serta persembahan kebudayaan yang memperlihatkan ketertiban dan struktur hierarki dalam masyarakat Melayu-Islam. Karya kesusastraan klasik seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* turut menggambarkan penggunaan senjata ini sebagai simbol kepahlawanan dan kebesaran raja (Musa & Yunos, 2024).

Berdasarkan dokumentasi oleh Koleksi N.A. Halim, himpunan tombak dan lembing Melayu memperlihatkan pengaruh ketara seni pertukangan tradisional yang melalui proses penyesuaian dengan nilai dan estetika budaya Melayu. Ciri-ciri tersebut dapat dilihat menerusi struktur fizikal senjata yang dibentuk secara teliti dan halus, hasil kemahiran tukang besi Melayu yang berpengalaman. Selain menitikberatkan aspek fungsi, pembuatan senjata ini turut mengambil kira elemen simbolik, termasuk pemilihan bahan-bahan berunsur alam seperti kayu,

logam, tanduk dan rotan yang dipercayai mengandungi nilai perlindungan atau kekuatan semangat. Pemilihan bahan ini bukan sekadar berkait dengan kepercayaan, tetapi turut mencerminkan hubungan rapat masyarakat Melayu dengan alam sekitar dan kosmologi mereka. Tambahan pula, penamaan senjata-senjata ini lazimnya dikaitkan dengan fungsi tertentu dan lokasi asalnya seperti tombak tradisional Melayu, tombak Dhapur Cekel, lembing Kujang dan Taumangaria.

Penggunaan tombak dalam konteks istiadat diraja, khususnya dalam majlis pertabalan serta upacara menyambut tetamu kehormat dan pembukaan gelanggang silat, menyerlahkan kedudukannya sebagai simbol kedaulatan dan tatasusastra istana. Misalnya, dalam upacara ‘menjunjung duli’ di Istana Terengganu, lembing emas dibawa sebagai tanda keberangkatan Sultan. Di samping itu, simbolik penggunaan senjata sebagai lambang penghargaan terhadap jasa wira kepada raja dan tanah air turut tergambar dalam *Sulalatus Salatin*, seperti yang ditunjukkan dalam petikan: “...lembing anugerah paduka kakanda ini sinda persebahkan di dada” (Ahmad, 1984). Demikian juga, tombak memainkan peranan penting dalam majlis angkat sumpah dan perarakan diraja. Dalam majlis sedemikian, kehadiran senjata tradisional memperlihatkan lambang kesetiaan dan penghormatan individu terhadap institusi kepimpinan. Elemen-elemen ini turut membentuk satu bentuk estetik ritual yang menggabungkan simbolisme budaya dan keagamaan dalam tradisi Melayu-Islam (Elmustian et al., 2024; Roza et al., 2023).

Selain sebagai alat tempur, tombak dan lembing turut memainkan peranan dalam pembangunan jasmani dan rohani, khususnya melalui latihan seni silat yang diwarisi turun-temurun. Dalam tradisi ini, setiap pergerakan dengan tombak lazimnya diiringi dengan penghayatan doa tertentu, mencerminkan integrasi nilai keagaamaan dalam seni bela diri Melayu. Gerakan fizikal tidak hanya bertujuan untuk membina ketangkasan, malah bertindak sebagai wahana pembentukan adab, disiplin serta kekuatan dalam dalaman yang berlandaskan nilai-nilai Islam. Hal ini menegaskan senjata tradisional bukan semata-mata alat pertahanan diri, tetapi juga sebagai medium pembentukan jati diri, pengukuhan rohani dan pelestarian nilai etika dalam kalangan penuntut dan pendekar.

Sastera dan seni Melayu-Islam turut menampilkan gambaran senjata tradisional sebagai simbol maruah, kuasa dan keperwiraan yang luhur. Karya-karya seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Raja-Bumi* memaparkan watak-watak utama yang memperoleh kemuliaan dan pengiktirafan melalui senjata yang dimiliki dan digunakan dalam perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan. Naratif-naratif ini memperkuat kefahaman tentang peranan tombak dan lembing sebagai wahana budaya yang bukan sahaja mencerminkan identiti masyarakat Melayu, tetapi juga mewakili kesinambungan nilai perjuangan, keberanian dan kesetiaan yang diangkat tinggi dalam wacana keperwiraan Melayu-Islam (Redzuan et al., 2022; Sarudin et al., 2020).

Tombak dan Lembing dalam Konteks Kontemporari

Dalam sejarah ketenteraan dan kebudayaan manusia, tombak dan lembing merupakan antara senjata paling awal yang digunakan untuk tujuan pertahanan diri, perang dan memburu. Meskipun fungsinya telah mengalami transformasi yang ketara, kewujudan tombak dan lembing masih kekal relevan dalam pelbagai konteks moden. Seiring dengan perkembangan

teknologi dan keperluan semasa, reka bentuk serta penggunaannya telah disesuaikan agar selari dengan kehendak kontemporari, tanpa menafikan nilai historisnya sebagai alat utama dalam peradaban silam. Pada masa kini, inovasi dalam pembuatan tombak dan lembing memperlihatkan penggunaan bahan-bahan moden seperti serat karbon, aloi aluminium dan gentian kaca (Saffire, 1983). Bahan-bahan ini bukan sahaja menjadikan senjata ini lebih ringan, tetapi juga memberikan ketahanan yang lebih tinggi serta kecekapan aerodinamik yang lebih baik. Meningkatkan kekerasan sehingga 200 kali ganda serta kestabilan semasa penerbangan, sekali gus memperlihatkan inovasi bahan moden dalam peralatan sukan seperti sukan *javelin*.

Sehubungan dengan itu, tombak moden turut dikembangkan sebagai alat taktikal untuk kegunaan pemburuan dan aktiviti survival (Villa & Soriano, 2010). Satu daripada variasi kontemporari ialah *tactical spear*, yang direka khas untuk keberkesanan dalam persekitaran mencabar seperti operasi hutan, pertahanan peribadi atau situasi kecemasan. Tombak jenis ini lazimnya diperbuat daripada keluli tahan karat atau aloi ringan dan memiliki reka bentuk modular, menjadikannya mudah disimpan dan digunakan semula. Malah, *bayonet* yang dipasang pada muncung senapang tentera masih mengaplikasikan prinsip tombak untuk pertempuran jarak dekat, sungguhpun dalam bentuk yang lebih ringkas dan praktikal. Tambahan pula, lembing turut memainkan peranan dalam aktiviti memancing bawah air atau *spearfishing*, yang menyaksikan penggunaan *pole spear* moden (Crabtree, 1977). Alat ini diperbuat daripada bahan seperti aluminium atau komposit karbon dan direka untuk ketahanan dalam air masin serta kecekapan semasa memburu ikan. Kecekapan ini turut dibantu oleh ciri-ciri ergonomik dan fleksibiliti alat tersebut.

Dalam konteks pemeliharaan warisan dan penyelidikan akademik, institusi seperti Muzium Negara serta universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan serta menyelidik semula senjata-senjata tradisional termasuk tombak dan lembing. Melalui Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM telah membangunkan pelbagai inisiatif arkib dan dokumentasi digital seperti pangkalan data PADAT dan portal Malaycivilization.com yang menampilkan sumber visual, teks dan deskripsi artifak berkaitan persenjataan tradisional Alam Melayu. Menurut Azaki (2023), pendekatan digitalisasi artifak seperti ini amat penting bukan sahaja untuk tujuan pendidikan, malah sebagai langkah jangka panjang dalam usaha pemeliharaan warisan budaya. Usaha ini bukan sahaja memelihara nilai sejarah senjata berkenaan, tetapi juga memupuk kesedaran generasi baharu terhadap warisan ketenteraan tradisional dalam kerangka digital yang lebih lestari dan boleh diakses.

Dengan demikian, walaupun tombak dan lembing tidak lagi digunakan secara meluas sebagai senjata utama dalam medan peperangan moden, adaptasi bentuk dan fungsinya tetap menjadi manifestasi keberterusan warisan teknologi purba ke dalam era moden. Kepelbagaiannya aplikasinya dalam bidang sukan, ketenteraan, kegiatan rekreasi dan penyelidikan akademik membuktikan bahawa senjata ini bukan sekadar tinggalan sejarah, malah terus berevolusi melalui penggabungan teknologi tinggi dan inovasi rekabentuk. Dalam masa yang sama, inisiatif pendigitalan yang dijalankan oleh institusi tempatan menyumbang kepada pemeliharaan jangka panjang warisan budaya serta memperkuuh hubungan antara teknologi moden dan sejarah ketamadunan silam.

Pendekatan dan Potensi Kajian Lanjutan

Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan dengan menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data yang memfokuskan pada beberapa sumber visual yang meyakinkan seperti Koleksi N.A. Halim dari PATMA, UKM serta sumber sekunder seperti buku etnografi, jurnal akademik, disertasi dan artikel ilmiah. Manakala bagi kaedah analisis data, penulisan ini menggunakan metode deskriptif menerusi analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah bagi meneliti secara mendalam fungsi, reka bentuk dan nilai budaya leming serta tombak dalam masyarakat Melayu tradisional. Di samping itu juga analisis dilakukan melalui pendekatan induktif bagi mengenal pasti tema dan makna budaya, deduktif untuk menguji andaian tentang fungsi simbolik dan sosial senjata serta penganalisisan sejarah budaya untuk memahami kaitan antara bentuk fizikal senjata dan struktur adat, politik serta identiti Melayu. Penulisan ini turut membuka peluang untuk meneroka secara lebih mendalam berkenaan aspek-aspek yang belum disentuh seperti sistem produksi senjata tradisional serta hubungan antara senjata dan sejarah Melayu. Pemerihalan ini juga dapat diperluas dengan pendekatan antropologi visual, teknologi warisan digital dan seni Islam, di samping peluang untuk memfokuskan pada pemulihan teknik pembuatan asli senjata ini melalui temu ramah bersama tukang besi tradisional di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Menerusi dokumentasi visual dan naratif lisan yang dirakam secara saintifik, pemeliharaan ilmu warisan ini dapat disebarluaskan melalui pendidikan warisan kebudayaan di peringkat universiti dan masyarakat umum.

Tombak dan Lembing di Koleksi N.A. Halim, PATMA, UKM

Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), UKM melalui penubuhan bilik khas Koleksi N.A. Halim telah mengukir satu ruang peradaban yang menghimpunkan warisan visual, dokumentasi dan intelektual bangsa dalam bentuk paling tulen dan tersusun. Di bilik inilah tersimpan ratusan gambar, slaid, peta, manuskrip dan buku-buku lama yang diasing dan dikatalogkan secara sistematik mengikut tema seperti seni bina, budaya, persenjataanserta aspek-aspek penting tamadun Melayu-Islam (Shamsul et al., 2004). Koleksi ini bukan sekadar dilihat sebagai artifak yang kaku pada zahirnya, tetapi sebagai pantulan jiwa dan perjalanan sejarah bangsa yang menyampaikan makna secara halus dan mendalam. Setiap foto dan helaian teks merupakan serpihan naratif agung yang merentasi zaman. Malah, koleksi visual tombak dan lembing yang menjadi nadi kepada penulisan ini turut disusun rapi dalam kategori tersendiri. Lengkap dengan kapsyen asal yang ditulis sendiri oleh N.A. Halim, bersama kod pengenalan dan nama khusus bagi setiap artifak seperti tombak atau lembing. Ini memudahkan proses klasifikasi dan rujukan ilmiah serta menjadikan bilik ini seumpama galeri yang menghubungkan seni pembuatan senjata tradisional dengan falsafah budaya dan estetika Islam. Buku-buku lama yang menghuni ruang ini pula tidak sekadar menjadi bacaan, malah berperanan sebagai penyimpanan memori kolektif umat dan memelihara khazanah ilmu yang diwarisi secara turun-temurun. Justeru, koleksi ini bukan sekadar tempat penyimpanan, tetapi sebuah arkib hidup yang menjelmakan roh keilmuan dan menyambung urat nadi warisan Melayu melalui gabungan daya fizikal, spiritual dan intelektual.

Tombak (Gr NK 6600)

Kod	Nama/Jenis	Penerangan	Gambar (Visual)
00041	Tombak Tradisional Melayu	<p>Digunakan oleh pengawal istana, pegawai diraja, serta berperanan sebagai lambang kebesaran diraja. Mata tombaknya tajam, lebih lebar berbanding lembing dan direka khas untuk tujuan menikam, menangkis, serta memarang musuh dengan keberkesan yang tinggi (Musa & Yunos, 2024).</p> <p>Batangnya lebih panjang dan kukuh berbanding lembing, diperbuat daripada kayu keras seperti kayu merbau; turut dihias dengan elemen estetika seperti ikatan rotan, hiasan bulu kuda berwarna, atau ukiran halus, khusus bagi upacara rasmi.</p>	
00042 00043	Tombak Dhapur cekel beluluk	<p>Merupakan sebahagian daripada dhapur ‘Cekel Beluluk’, iaitu jenis bilah tombak yang lurus, memiliki sisi yang simetrikal serta bilah yang tebal dengan tekstur kasar, dengan anggaran panjang sekitar 40 cm.</p> <p>Lazim digunakan dalam medan peperangan.</p> <p>Senjata ini dilengkapi dengan landeyan (seperti limpung atau peksis yang pendek), serta warangka yang diperbuat daripada kayu berukir.</p>	
00044	Tombak Setangan	<p>Menyerupai tombak tradisional Jawa, permukaannya kelihatan kasar dan tidak ada lok.</p> <p>Langka dan jarang ditemui.</p>	


00045	Tombak Dhapur Baru Tropong	<p>Kategori tombak lurus dan lebar, tergolong dhapur tombak tradisional Nusantara, termasuk di dalam dhapur Baru yang terkenal seperti Baru Kuping, Baru Panatas, dan lain-lain.</p> <p>Dicirikan sebagai penampang bilah yang tebal (gilig), bahkan cenderung bulat iaitu badan tombak yang teguh dan mantap.</p>	
00046	Dhapur cekel	<p>Diperayai berasal daripada penemuan Sungai Brantas (Griyokulo, 2016).</p> <p>Dhapur tombak lurus dengan bilah yang simetri dan agak tebal. Permukaannya rata tanpa lekukan kompleks , menjadikan bilahnya kelihatan sederhana tetapi kuat.</p> <p>Cekel termasuk jenis yang memiliki sogokan biasanya satu atau lebih potongan kecil pada bilah yang berbeza daripada dhapur lain yang lebih licin.</p>	
00047	1. Tombak Sigar Jantung 2. Tombak Langka Dhapur Cekel Beluluk 3. Tombak dhapur Kyai Pleret Giring Lanang 4. Tombak Kujang	<p>Dhapur tombak tradisional yang mempunyai bilah lebar dan pipih, menyerupai bentuk belahan jantung pisang.</p> <p>Sangat jarang ditemui dan dianggap sebagai pusaka langka.</p> <p>Pamor Sepuh Tombak ini tergolong dalam dhapur Biring Lanang, kadangkala dirujuk sebagai Kyai Pleret Giring Lanang, yang mempunyai ciri khas bentuk bilah lurus dan simetri.</p> <p>Panjang keseluruhan sebahagia tombak pendek, sekitar 20-25 cm seperti kujang biasa, dengan berat sekitar 300 g.</p>	

	5. Tombak Kudup Gambir	Tombak lurus tradisional Melayu-Jawa yang bilahnya menyerupai kuncup bunga gambir, dari situlah asal istilah Kudup seperti Kuncup, Gambir seperti Bunga Gambir.	
	6. Tombak Dhapur Baru Tropong	Tombak dhapur Baru Tropong dianggap sebagai tombak pusaka istana, antaranya dikaitkan dengan milik kerajaan Mataram, dan dihiasi dengan corak pamor jenis Pedaringan Kebak (Arimurti & Sadewa, 2023).	
	7. Tombak Kudup Cempaka	Tombak tradisional yang memiliki bilah berbentuk seperti kuncup bunga cempaka. Ia lazim digunakan oleh golongan raja dan bangsawan pada zaman dahulu. Senjata ini dipercaya berasal dari kawasan Cirebon atau wilayah Jawa seperti Ciamis.	
	8. Tombak Suku Dayak	Dikenali sebagai Lonjo atau secara umumnya sebagai tombak, senjata ini merupakan sebahagian daripada koleksi senjata tradisional masyarakat Dayak di Kalimantan.	
00048	Tombak Kujang	<p>Senjata berbilah tradisional masyarakat Sunda dari Jawa Barat, Indonesia. Diperbuat daripada besi, baja atau pamor, kujang memiliki reka bentuk khas seperti papatuk, eluk, tadauh, dan mata (Saifulhayat, 2018).</p> <p>Nama kujang sendiri berasal daripada gabungan kata ‘kudi’ (senjata sakti) dan ‘hyang’ (dewa).</p>	

00049 00050	Tombak Biring Sumben	<p>Dhapur tombak ini berbentuk lurus, dengan bilah yang pipih dan simetri, serta mempunyai ciri khas berupa sogokan berganda pada bahagian sor-soran, dan lekukan kecil di pangkal bilah yang menyerupai jalen.</p> <p>Asal-usul tombak ini dipercayai berasal dari kawasan Eks Lurah Rembang dan Sananwetan Kediri (Griyokulo, 2018). Lazimnya digunakan oleh perajurit, panglima perang, atau pasukan berkuda sama ada untuk tujuan peperangan mahupun dalam majlis rasmi.</p>	
00051	Tombak Ron Andhong	<p>Bilah tombak ini berbentuk seperti daun andong; ‘ron’ bermaksud daun, manakala andong merujuk kepada pokok <i>Cordyline fruticosa</i>.</p> <p>Panjang bilah dianggarkan sekitar 26 cm, dan senjata ini dipercayai berasal dari zaman Kerajaan Pajajaran pada abad ke-12M, di kawasan Tasikmalaya, Jawa Barat.</p>	
00052	1. Tombak Setangan 2. Tombak dhapur Kyai Pleret Giring Lanang	<p>Menyerupai tombak tradisional Jawa, permukaannya kelihatan kasar dan tidak ada lok.</p> <p>Langka dan jarang ditemui.</p> <p>Pamor Sepuh merujuk kepada pamor yang lazim ditemui, antaranya jenis Wengkon atau Keleng Sepuh, yang mengandungi motif besi padat berserat halus. Pamor jenis ini dianggap langka dan bernilai tinggi.</p> <p>Tangguh tombak biasanya berasal dari era Mataram Kartasura atau Mataram Sepuh, menandakan ia dihasilkan sekitar abad ke-17M hingga ke-18M (Santosa et al., 2024).</p>	

	3. Tombak Langka Dhapur Cekel Beluluk	<p>Tergolong dalam kategori tombak lurus dengan tapak simetri pada kedua-dua sisi bilah. Wilah (bilah) bertapak Cekel Beluluk lebih tebal dan permukaannya lebih kasar berbanding dhapur tombak yang lain.</p> <p>Pamor yang lazim ditemui pada Cekel Beluluk termasuk Pedaringan Kebak atau Sanak.</p>	
00053	Tombak Jantung Pisang	<p>Sejenis lembing tradisional Melayu yang memiliki mata panjang dan bentuk menyerupai jantung pisang, dengan hujung tajam yang meruncing ke atas.</p> <p>Mata lembing diperbuat daripada logam seperti gangsa, tembaga, besi atau besi waja, manakala tangkainya daripada kayu atau buluh lurus dan kuat, sering diperkuat dengan ikatan rotan atau simpai logam.</p> <p>Berperanan dalam upacara istiadat silat dan simbol status pendekar dalam masyarakat Melayu tradisional atau pengawal istana.</p>	
00054	Tombak Madura	<p>Tombak Madura, dikenali juga sebagai tombak monteng, mempunyai panjang sekitar 1 meter; bilahnya dibuat daripada besi berkualiti tinggi dan gagangnya daripada kayu keras yang kukuh</p> <p>Digunakan sebagai senjata tikam dan pertahanan oleh prajurit Madura masa lampau dalam pertempuran dari jarak dekat.</p>	

Lembing (Gr NK 6600)

Kod	Nama/Jenis	Penerangan	Gambar (Visual)
00174 00175	1. Tombak Biring Lanang	Tombak ini boleh dipasang pada pelbagai jenis landeyan (gagang) mengikut keperluan dan ditempa dengan pamor Tejo Kinurung.	
	2. Lembing Kujang	Nama ‘kujang’ dipercayai berasal daripada kata Sunda kuno kudihyang. Senjata simbolik dengan panjang 20-25 cm dan berat sekitar 300 g.	
	3. Dhapur Cekel Drajit	Mempunyai lekukan pinggang sempit pada bahagian tengah yang mana bilahnya lurus tanpa lekukan seperti tombak lain.	
	4. Lembing Daun Buluh	Lembing tradisional Melayu yang berasal daripada Kelantan atau Patani.	
	5. Dhapur Cekel Adi Luwih	Variasi Cekel dalam kumpulan tombak lurus Jawa yang sangat jarang dijumpai, dan termasuk dalam antara dapur yang dianggap pusaka langka.	
	6. Tombak Biring Wadon	Dihasilkan daripada kayu jati lama dengan serat unik, mencerminkan keaslian pusaka Mataram atau Kartasura (Santosa et al., 2024).	
00176	Lembing Daun Buluh Bertulang Kelantan	<p>Sejenis senjata lontar tradisional Melayu, biasanya digunakan dalam perang atau memburu. Ia dikenali dengan bilahnya yang lebar dan menyerupai daun buluh.</p> <p>Berasal daripada Kelantan atau Patani.</p>	

00177	Tombak Biring Wadon	<p>Varian daripada tombak Biring yang mana ‘Wadon’ dalam bahasa Jawa bermaksud wanita, menandakan tombak ini secara falsafahnya melambangkan pengawalan hawa nafsu dan keseimbangan emosi.</p> <p>Pamor Wengkon atau Pamor Wahyu Tumurun sering dijumpai pada bilah jenis ini dan dipercayai dibuat semasa era Pajajaran atau Mataram bagi golongan bangsawan atau keraton.</p>	
00178	Tombak Biring Lanang	<p>Tombak Biring Lanang tergolong dalam kategori dhapur Biring, iaitu jenis tombak bermata lurus dengan bilah rata dan simetri.</p> <p>Bilahnya berbentuk gempal, kuat dan tajam, menjadikannya sesuai digunakan sebagai senjata tempur utama oleh hulubalang dan senopati pada zaman silam.</p>	
00179	Lembing Kujang	<p>Merupakan senjata berbilah asli masyarakat Sunda di Jawa Barat, Indonesia (Saifulhayat, 2018). Ia dipercayai wujud sejak abad ke-8M atau ke-9M, dan lazimnya diperbuat daripada besi, baja atau pamor, dengan anggaran panjang sekitar 20-25 cm.</p> <p>Asal usulnya dipercayai berpuncak daripada alat pertanian yang menyerupai kudi; menurut manuskrip Sanghyang Siksakandang Karesian , ia pada asalnya merupakan senjata kaum petani sebelum berkembang fungsinya sebagai simbol kebudayaan.</p> <p>Reka bentuk bilahnya mempunyai ciri unik seperti papatuk (ujung tajam), eluk/silih (lengkungan di bahagian belakang bilah), dan tadah (tonjolan odeng pada bahagian perut bilah).</p>	

00180	Taumangaria	<p>Senjata tradisional masyarakat <i>Kiribati</i> yang mana anjangnya mencapai 270-500 cm (Maddison 2021).</p> <p>Dibuat daripada kayu keras, umumnya dari pokok palma atau pokok mangrove. Bahagian kepala lembing terdiri daripada satu cabang utama dan dua cabang sampingan seperti trisula, di mana gigi jerung disisipkan pada bucu dengan gam semulajadi dan diikat dengan tali serat kelapa.</p>	
00181	1. Dwisula (kiri)	<p>Dhapur tombak bercabang dua, di mana kedua-dua mata tombak selari dan bersimetri</p> <p>Dianggarkan berasal dari era Cirebon (abad ke-18M) atau zaman Singosari-Majapahit.</p>	
	2. Lembing Kapik	Lembing tradisional Melayu umumnya berkepala lurus dan tirus, bukan berbentuk lebar seperti tombak. Bentuk mata menyerupai pisau kecil yang tajam, sesuai untuk lontaran atau tikaman ringan.	
	3. Lembing Kudup Melati	Kudup Melati bermaksud kuncup bunga melati, dan merupakan jenis bilah tombak tradisional yang mempunyai bentuk seperti kuncup kecil sekitar 20-36 cm.	
	4. Lembing Patung	Lembing Melayu tradisional yang berasal dari Kelantan berbentuk lebar. Simbol kuasa dan pelindung, bukan sebagai senjata lontar seperti lembing perang biasa.	
	5. Dhapur Pleret	Tombak lurus, yang tergolong dalam kategori dhapur tombak tumbuk tanpa luk. Pleret sering dikaitkan dengan pusaka bertuah dari era keraton, seperti milik Mangkunegaran atau koleksi pusaka istana Jawa atau Mataram.	

02052	Dhapur Cacing Kanił	Memiliki luk tiga, lima atau tujuh, berbentuk seperti cacing yang sedang menggeliat. Mata beralun (lok) menyerupai keris, dipercayai membawa nilai simbolik dan spiritual, seperti perlindungan atau kekuatan sakti.	
03770	Gada	Senjata tersebut melalui zaman evolusinya sehingga terbentuknya gada daripada logam yang dipanggil cokmar, gada berantai dan gada-gada.	
07447	Landeyan/Gagang	<p>Landeyan, juga dieja <i>Landheyan</i> atau <i>Landhean</i>, ialah pegangan kayu yang berada pada tombak, ke mana pesi (pangkal bilah) dimasukkan. Ia berfungsi sebagai struktur utama untuk menyokong bilah.</p> <p>Bahagian kayu pemegang tombak, biasanya daripada kayu keras seperti jati, trembalo atau sono.</p> <p>Reka bentuk landeyan boleh panjang seperti blandaran, panurung, pagon atau pendek seperti limpung dan sekilan.</p>	

07448 07449		Landeyan digunakan bukan sekadar untuk struktur fizikal tetapi juga sebagai simbol kuasa, status, dan identiti pemilik, khususnya tombak istiadat seperti Tombak Berambu yang terdiri daripada landeyan dengan reka bentuk khas.	
07450			

Dapatkan dan Perbincangan

Penemuan awal menunjukkan tombak atau *rumah* dan lembing merupakan senjata utama dalam sejarah awal Islam, bukan hanya sebagai alat pertahanan fizikal tetapi juga sebagai simbol ketakwaan dan kepimpinan. Sejarah Islam mencatatkan penggunaan tombak dalam peristiwa besar seperti Perang Badar dan Perang Uhud, menandakan peranan strategik serta simbolik senjata ini dalam masyarakat Islam awal (Ediyono & Widodo, 2019). Dalam konteks ini, tombak bukan sekadar senjata, tetapi medium penyampai nilai keberanian, amanah serta jihad fisabilillah. Sejarah dan tamadun Islam sangat saling berkaitan dengan evolusi dan penggunaan tombak, terutama semasa kempen ketenteraan awal yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW dan pemerintahan-pemerintahan Islam berikutnya. Era Nabawi menyaksikan penyatuan tombak bersama senjata lain seperti pedang, yang meningkatkan mobiliti dan keberkesan pasukan Islam dalam pelbagai konflik, menekankan prinsip keadilan dan peperangan etika (Nur'ain & Firmansyah, 2023). Hal ini memperlihatkan pengaruh seni Islam dalam penghasilan senjata

yang bukan sekadar berfungsi secara fizikal, tetapi juga menyampaikan nilai keagamaan dan akidah tauhid. Ia membuktikan bagaimana tamadun Islam awal mengintegrasikan antara kekuatan pertahanan dan kekuatan keimanan.

Pada era pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sekitar tahun 1400 hingga kejatuhan Melaka pada tahun 1511, tombak ialah senjata penting dalam sejarah ketenteraan Melayu. Ia bukan sahaja digunakan dalam perang, malah turut menjadi sebahagian daripada peralatan istiadat diraja seperti tombak tradisional Melayu (Iskandar, 1992). Pembawa senjata ini menggunakan dalam upacara pertabalan, dan ini menandakan legitimasi pemerintahan dan kuasa sultan yang telah diangkat (Bakar, 2022; Tahir, 2015). Malah, senjata tersebut sering dianggap sebagai warisan yang mengandungi nilai-nilai adat yang perlu dihormati dan dipelihara oleh generasi akan datang, menjadikannya kaya dengan makna sejarah dan kultural (Amelia et al., 2023). Hal ini memperlihatkan fungsi simboliknya sebagai pelengkap kepada sistem monarki Islam.

Dokumentasi terperinci yang dikumpulkan oleh Koleksi N.A. Halim mendedahkan pelbagai variasi reka bentuk serta ukiran yang terdapat pada senjata-senjata tradisional Melayu, sekali gus mencerminkan kekayaan nilai estetika, simbolisme budaya dan peranan fungsionalnya dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Penamaan senjata-senjata ini pula tidak bersifat sembarang, bahkan memperlihatkan satu sistem klasifikasi tradisional yang bersifat menyeluruh dan tersusun, merangkumi pelbagai aspek seperti bentuk fizikal misalnya tombak Daun Buluh yang menyerupai helai daun dan Dhapur Cacing Kanil yang mengambil inspirasi daripada bentuk cacing yang sedang menggeliat. Selain itu, terdapat juga penamaan yang berasaskan fungsi seperti lembing Kapik, yang secara langsung menggambarkan cara penggunaannya dalam konteks lontaran. Tidak kurang pentingnya ialah kategori penamaan berdasarkan unsur geografi dan etnik seperti tombak Suku Dayak, yang menunjukkan pengaruh budaya serta asal-usul etnografi Dayak di Kalimantan dalam reka cipta senjata tersebut. Hal ini secara tidak langsung membuktikan kewujudan suatu sistem pengetahuan tradisional yang bersifat holistik dan diwarisi secara turun-temurun melalui medium lisan, amalan visual dan pengalaman empirik dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam. Justeru, dokumentasi ini bukan sekadar rakaman fizikal semata-mata, tetapi turut mencerminkan keutuhan warisan intelektual dan identiti budaya yang mendalam dalam sejarah ketamadunan Alam Melayu.

Penggunaan tombak dan lembing dalam latihan silat Melayu turut memperkuuh dimensi kerohanian senjata ini. Kajian Rahman et al. (2020) menunjukkan setiap gerakan dengan senjata ini diiringi dengan doa dan adab tertentu, mencerminkan integrasi unsur fizikal dan keagamaan dalam seni mempertahankan diri Melayu-Islam. Penemuan di Muzium Pahang misalnya, mengesahkan bahawa banyak senjata tradisional memiliki ukiran ayat al-Qur'an, menjadikan ia bukan sekadar artifik estetika tetapi juga medium dakwah dan perlindungan keagamaan (Hafiz et al., 2019). Selain itu, menerusi pendekatan yang menggabungkan kajian budaya dan nilai-nilai keagamaan, peranan senjata tradisional berfungsi dapat difahami sebagai simbol dalam naratif yang mencerminkan perjalanan sejarah masyarakat Melayu serta adaptasi dan transformasi mereka di bawah pengaruh Islam (Rahman et al., 2020; Fathurahman, 2022).

Penulisan ini turut mengenal pasti bagaimana tombak dan lembing terus wujud dalam ingatan kolektif masyarakat Melayu, meskipun fungsinya telah mengalami transformasi selari dengan perubahan zaman. Era penjajahan memperkenalkan sistem persenjataan moden yang mengubah paradigma ketenteraan tradisional, namun simbolisme kedua-dua senjata ini kekal

berakar dalam pelbagai dimensi budaya dan sosial (Jalal et al., 2024). Pada masa kini, fungsi tombak dan lembing dihidupkan kembali melalui persembahan seni pentas, pementasan teater sejarah dan dokumentasi muzium sebagai usaha memelihara warisan. Sebagai contoh, Muzium Warisan Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) menempatkan segmen khusus bagi ‘Senjata dan Alat Tempur Melayu’ yang mempamerkan antara lain lembing, tombak, keris, parang dan pelbagai senjata tradisional lain sebagai koleksi tetap pameran. Menariknya, lembing turut mengalami penyesuaian dalam konteks sukan moden melalui acara lontar lembing atau *javelin*, yang merupakan kesinambungan prinsip asas senjata lembing dari segi aerodinamik, daya lontaran dan struktur reka bentuk (Saffire, 1983). Sukan ini, yang kini menjadi sebahagian daripada acara rasmi dalam temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik dan Sukan SEA, memperlihatkan bagaimana fungsi lembing sebagai alat tempur telah berevolusi kepada cabang pembangunan jasmani dan daya saing fizikal.

Dalam konteks akademik, institusi seperti UKM melalui PATMA menyediakan akses pangkalan data teks dan galeri digital bahan Warisan Melayu, yang merangkumi dokumentasi visual persenjataan seperti keris, lembing dan tombak. Melalui Projek Wacana dan platform online seperti PADAT dan Malaycivilization.com, ATMA membolehkan penyelidik dan pelajar menemui maklumat tentang sejarah teknologi senjata Melayu, ciri reka bentuk, penggunaan etnografi dan teknik pembuatannya. Lebih menarik lagi, penggunaan artifak senjata tradisional sebagai bahan bantu mengajar dalam kelas sejarah dan tamadun telah membangkitkan minat generasi muda terhadap warisan budaya (Kaviza, 2020). Kajian Briando dan Embi (2019) turut menekankan kepentingan pengajaran terhadap senjata tradisional Melayu bukan sahaja menelusuri aspek teknikal dan estetika, tetapi turut membuka ruang baharu dalam memahami struktur kuasa, sistem nilai dan jati diri bangsa Melayu-Islam secara menyeluruh.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, penulisan ini merungkai peranan signifikan tombak dan lembing dalam ketamadunan Islam dan budaya Melayu bukan semata-mata berperanan sebagai senjata fizikal, sebaliknya mengandungi makna simbolik yang mendalam sebagai manifestasi identiti sesebuah bangsa serta memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat, terutama di Alam Melayu. Pemerihalan ini menggabungkan pendekatan visual dan dokumentasi berdasarkan Koleksi N.A. Halim untuk menelusuri dimensi sejarah, budaya dan keagamaan senjata ini secara menyeluruh. Lantaran daripada itu, kajian lanjutan disarankan untuk menumpukan pada aspek pembuatan senjata secara tradisional melalui temu ramah dengan tukang besi warisan, serta penerokaan dimensi antropologi visual dan warisan digital yang belum diteroka secara mendalam. Sumbangan utama kajian ini ialah pada keupayaan terhadap usaha pelestarian warisan persenjataan Melayu-Islam melalui dokumentasi ilmiah di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) serta memperkuat kefahaman masyarakat akademik dan umum tentang hubungan erat antara teknologi tempur tradisional, struktur sosial dan jati diri budaya dalam naratif sejarah Alam Melayu khususnya dari aspek persenjataan dan ketenteraan.

Rujukan

- Abbass, A.K. 2022. The weapons of the Prophet Muhammad (Peace Be Upon Him) and its uses in invasions. *IJHSS: International Journal of Humanities and Social Sciences* 11(2): 101-116.
- Ahmad, A.S. 1984. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, M.S.M., Ramli, Z. & Samian, A.L. 2016. Arkeologi Islam: Suatu penilaian semula. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 29(2): 35-42.
- Amelia, P., Lukitaningsih, L. & Purnamasari, I. 2023. Tipologi batang tubuh pisau tumbuk lada: Sebuah analisis makna pada pusaka Melayu. *Warisan: Journal of History and Cultural Heritage* 4(3): 97-107.
- Arimurti, K. & Sadewa, T.C. 2023. *Serat Cariyos Gancaring Empu (KBG 96) Sejarah Para Empu Keris Tanah Jawa dari Medhang Hingga Mataram*. Jakarta: Perpusnas Press
- Azaki, M.A. 2023. Dokumentasi senjata tradisional Melayu di Negeri-negeri Pantai Timur. Projek Tesis Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Bakar, N.F.F.A. 2022. In search of truth: On intellectualism in Anwar Ridhwan's penyeberang sempadan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(11): 2902-2916.
- Bobrov L.A. 2023. Spear combat in the military art of the Kalmyks and Dzungars of the 17th - early 19th centuries. *Mongolian Studies* 15(4): 551-592.
- Briando, B. & Embi, M.A. 2019. Pandangan hidup dan alam pikiran orang Melayu. *Oetoesan-Hindia: Telaah Pemikiran Kebangsaan* 1(2): 69-78.
- Crabtree, P.G. 1977. Collapsible Fish Spear (U.S. Patent No. 4,052,808). Washington, D.C.: United States Patent and Trademark Office.
- Ediyono, S. & Widodo, S.T. 2019. Memahami makna seni dalam pencak silat. *Panggung* 29(3): 299-313.
- Elmustian, E., Marsha, V.J., Elisia, E., Fitri, N.A., Amri, N., Fitriani, H. & Triski, W. 2024. Eksplorasi warisan budaya Melayu: Seni, kuliner, dan festival yang menyatu di masyarakat. *Sinar Dunia: Jurnal Riset Sosial Humaniora dan Ilmu Pendidikan* 3(4): 286-298.
- Fathurahman, O. 2022. Memaknai pengasingan orang Melayu-Indonesia di Ceylon, Sri Lanka. *Studia Islamika: Indonesian Journal for Islamic Studies* 29(2): 399-415.
- Griyokulo. 2016. Tombak cekel temuan. <https://www.griyokulo.com/2016/09/tombak-cekel-temuan> [27 Julai 2025].
- Griyokulo. 2018. Tombak biring sumben nom-noman. <https://www.griyokulo.com/2018/12/tombak-biring-sumben-nom-noman/> [27 Julai 2025].
- Hafiz, M.K., Ramli, M.A. & Jaafar, S.M.J.S. 2019. Unsur kearifan tempatan dalam seni persembahan Melayu-Islam: Analisis dari perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh* 16(2): 321-352.
- Ibn Sa‘d, Muhammad ibn Sa‘d. 1967. *Kitab al-Tabaqat al-Kabir*. Jil. 1, Terj. Haq, S.M. & Ghazanfar, H.K.. Karachi: Pakistan Historical Society.

- Iskandar, Y. 1992. *The Malay Sultanate of Malacca: A study of various aspects of Malacca in the 15th and 16th centuries in Malaysian history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalal, A.F.A., Alias, A.W., Kahal S.M. & Rahim, R.A.A. 2024. Muzium Pahang dan isu penjajahan British di Tanah Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(1): 87-97.
- Jamian, A.R., Othman, S. & Khuzaini, N.F.A. 2014. Strategi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Bahasa Melayu. *Mahawangsa: Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* 1(2): 155-163.
- Janowski, M. 2019. Protective power: The nabau or water dragon among the Iban of Sarawak. *Sarawak Museum Journal* 81(102): 115-152.
- Kaviza, M. 2020. Kesan penggunaan sumber-sumber sejarah berdasarkan model motivasi ARCS terhadap peningkatan motivasi dalam kalangan murid Tingkatan Empat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(7): 136-145.
- Maddison, F.K. 2021. A recipe for weaponry: How to make a shark tooth sword. <https://www.fkmaddison.com/fkmaddison/kiribati-shark-teeth-warriors.html> [27 Julai 2025].
- Musa, A. & Yunos, Y. 2024. Fungsi dan peranan senjata dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. *Jurnal Melayu* 23(2): 110-137.
- Nur'ain, R.D. & Firmansyah, S.A. 2023. Pengaplikasian nilai nilai ajaran Islam dalam membentuk karakter prajurit berambisi (Kajian studi peperangan di masa Nabi). *Tanjak: Jurnal Sejarah dan Peradaban Islam* 3(3): 307-314.
- Rahman, M.F.A., Razak, M.I.A., Noor, A.F.M., Basir, M.K.A. & Khalid, N.K. 2020. The stage of Western orientalists scholarly studies in Islam: A review. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 21(2): 116-126.
- Redzuan, S.S.S.M., Razis, S.N.I.M., Aziz, M.K. & Aziz, A.A. 2022. Malay worldview on the ornamental design in Malay Hikayat manuscript. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 7(SI7): 249-254.
- Roza, E., Pama, S.A., Pama, V.I. & Hasan, N.A.R.B.N. 2023. Tradisi Ghatib Beghanyut: Sebuah peradaban Islam pada masyarakat Siak Sri Indrapura, Riau. *Tsaqafah: Jurnal Peradaban Islam* 19(2): 279-404.
- Saffire, V. 1983. Method of making a javelin (U.S. Patent No. 4,404,053). Washington, D.C.: United States Patent and Trademark Office.
- Saifulhayat, H. 2018. Kajian bentuk dan simbol Kujang Sunda. *ARTIC* 2(2):67-72.
- Santosa, B., Lestari, S., Sulistyo, H. & Indianto, D. (2024). Being and experiencing: Jamasan tombak kyai upas sebagai ritual warisan Mataram Yogyakarta di Kabupaten Tulungagung dalam perspektif David N. Elkins. *Humanis: Journal of Arts and Humanities* 28(4): 422-432.
- Sarudin, A., Muhammad, M.M., Zaini, M.F., Redzwan, H.F.M. & Bakar, S.S.A. 2020. The relationship between astronomy and architecture as an element of Malay intelligentsia. *CALA 2020 Proceedings*, hlm. 358-363.
- Shamsul A.B., Mohamed, R. & Hamzah H. 2004. Pengajian Alam Melayu di pentas global: Teknologi maklumat dan penstrukturran ilmu di ATMA, UKM. *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation* 22: 29-47.

Tahir, U.M.M. 2015. *Persuratan Baru*: An alternative paradigm to Western literary methodologies. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature* 9(1): 160-176.

Villa, P. & Soriano, S. 2010. Hunting weapons of Neanderthals and early modern humans in South Africa similarities and differences. *Journal of Anthropological Research* 66(1): 5-38.